

## **APLIKASI ‘URF DALAM AMALAN ADAT DAN BUDAYA SAUDARA BAHARU DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL**

### ***THE APPLICATION OF THE PRINCIPLE OF ‘URF IN THE CUSTOM AND CULTURE PRACTICES BY MUALLAF IN MALAYSIA: A PRELIMINARY REVIEW***

**Asmawati Suhid <sup>1</sup>**  
**Abd. Muhsin Ahmad <sup>2</sup>**  
**Fathiyah Mohd Fakhruddin <sup>3</sup>**  
**Noreha Che Abah <sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mel: asmawati@upm.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya (UM), Malaysia, (E-mel: amuhsin@um.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mel: fathi@upm.edu.my)

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, (UPM), Malaysia.

**Accepted date:** 27-01-2019

**Published date:** 26-03-2019

**To cite this document:** Suhid, A., Ahmad, A. M., Fakhruddin, F. M., & Che Abah, N. (2019). Aplikasi ‘URF dalam Amalan Adat dan Budaya Saudara Baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 2(5), 65-77.

---

**Abstrak:** Islam merupakan ad-Din atau agama yang lengkap dan syumul meliputi semua aspek dan keperluan manusia. Justeru, tidak ada satu perkara pun yang ditinggalkan di dalam kitab al-Quran. Islam sebagai agama rahmah yang diturunkan kepada semua makhluk sebagai bimbingan dan panduan hidup seluruh manusia yang membawa kepada keesaan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Oleh itu, tidak kira bangsa atau kaum, mereka berhak menerima Islam dan mengamalkannya sebagai cara hidup. Golongan muallaf atau disebut juga saudara baharu di Malaysia merupakan golongan yang diberi perhatian oleh Islam. Sejak akhir-akhir ini, terdapat pertambahan bilangan individu yang memeluk dan menerima Islam. Dalam konteks saudara baharu di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum dan suku sudah tentu mereka mengamalkan pelbagai adat dan budaya dalam kehidupan harian mereka. Ada kalanya timbul kekeliruan dalam memilih adat dan budaya yang tidak bercanggah dengan hukum Islam. Berdasarkan kaedah fiqh Islam iaitu ‘Urf atau “Adat di Akui”, Islam mengiktiraf adat dan budaya yang diamalkan oleh setiap bangsa dan kaum selagi tidak bertentangan dengan prinsip hukum Islam. Hal ini perlu difahami bukan sahaja saudara baharu, malah umat Islam umumnya bagi mengelakkan salah faham dan perselisihan pendapat sesama umat Islam. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan tentang aplikasi ‘Urf dalam amalan budaya saudara baharu di Malaysia seterusnya menganalisis sejauhmana amalan tersebut tidak bertentangan dengan prinsip hukum Islam agar kehidupan mereka diberkati dan diredhai Allah SWT.

**Katakunci:** ‘Urf , Adat, Budaya, Saudara Baharu, Muallaf

**Abstract:** *Islam is a comprehensive religion or ad-Din which covers all aspects and needs of human beings. Thus, there is nothing left out in the Quran. Islam is a religion of mercy that is revealed to all human beings as the guidance and direction of all human life which leads to oneness and obedience to Allah SWT. Therefore, regardless of ethnic group or race of a person, everyone is entitled to embrace Islam and practice it as a way of life. The muallaf or so-called ‘saudara baharu’ in Malaysia are among those that are given special attention by Islam. Recently, there has been an increase in the number of individuals embracing and accepting Islam. In the context of a muallaf in Malaysia that comprises of various ethnic groups, races and tribes, of course, they practice various customs and cultures in their daily lives. Sometimes there are confusions when choosing customs and cultures that do not conflict with Islamic teaching. Based on the Islamic Legal Maxim of ‘Urf or ‘ Custom is of force ‘, Islam recognizes the customs and cultures practiced by every ethnic group and race as long as it does not go against the principles of Islamic teaching. This should be understood not only by muallaf, but also Muslims in general to avoid misunderstandings and conflicts among Muslims. Hence, this paper will discuss the application of ‘Urf in the cultural practices among the muallaf in Malaysia and to analyze the extent to which the practices are not contrary to the principles of Islamic teaching so that the lives of the muallaf are blessed by Allah SWT.*

**Keywords:** ‘Urf, Custom, Culture, ‘Saudara Baharu’, Muallaf

---

## **Pengenalan**

Islam merupakan ad-Din atau agama yang diturunkan kepada semua makhluk, sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran, "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat bagi sekalian alam" (Surah al-Anbiyaa’, ayat 107). Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah SWT untuk memberi rahmat kepada seluruh manusia dan makhluk. Oleh itu, Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT sebagai rahmat kepada sekalian alam. Rasulullah SAW membawa wahyu iaitu kitab al-Quran daripada Allah SWT yang di dalamnya lengkap, menyeluruh dan seimbang. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan Kami turunkan kitab kepada kamu dengan menerangkan setiap sesuatu (Surah an-Nahl, ayat 89). Malah tiada satu pun yang ditinggalkan di dalam kitab al-Quran yang merupakan kitab mukjizat ini. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Tiadalah Kami alpakan sesuatu pun di dalam kita al-Quran ini” (Surah al-An’aam, ayat 38). Jelas di sini memperlihatkan, Islam adalah agama yang syumul yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai bimbingan dan panduan hidup untuk manusia yang akhirnya membawa kepada keesaan kepada Allah SWT. Justeru, tidak kira bangsa atau kaum, mereka berhak menerima dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup. Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal” (Surah al-Hujurat, ayat 13). Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan manusia daripada pelbagai bangsa dan kaum yang antara lain bertujuan agar kita saling kenal mengenal, berinteraksi dan menjalani kehidupan secara aman, damai dan sejahtera. Sesuai dengan maksud Islam itu sendiri iaitu aman, damai dan sejahtera (Asmawati Suhid, 2009).

Oleh itu, dalam konteks perbincangan dalam artikel ini, ia termasuklah golongan muallaf atau disebut juga sebagai saudara baharu yang turut mendapat rahmat di sisi Islam. Dalam konteks

panggilan untuk golongan yang baru memeluk Islam, terdapat pelbagai istilah yang digunakan seperti saudara baharu, saudara kita dan muallaf. (Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azli Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Musaddad & Norlina Ismail, 2015). Namun dalam artikel ini, penulis menggunakan istilah muallaf dan saudara baharu secara berganti dan membawa makna yang sama dalam penggunaan awam iaitu golongan yang baru memeluk Islam. Maksud perkataan muallaf dapat dijelaskan dari segi bahasa dan istilah. Perkataan muallaf adalah perkataan yang diambil dari bahasa Arab iaitu *mu'allaf* daripada pecahan perkataan *alifa*, *ya'lifu*, *ilfan* yang bermaksud suka atau gemar akan dia atau menjinaki (Al-Marbawi, t.th: 26). Muallaf dalam kamus Dewan bermaksud orang yang baru memeluk Islam atau saudara baharu (2010) Manakala dari segi istilah pula, muallaf merujuk kepada orang yang baharu menerima kebenaran agama Islam. Muallaf merupakan orang yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap ajaran Islam atau orang yang dipujuk supaya tertarik untuk menganut agama Islam. Mereka merupakan antara golongan yang diberi perhatian oleh Islam. Sebagai contoh, dari segi hak menerima pembahagian zakat golongan muallaf merupakan salah satu golongan yang berhak menerima zakat. Sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam surah al-Taubah, ayat 60, "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan amil-amil dan muallaf yang dijinakkan hati-hati mereka dan hamba-hamba yang hendak memerdekakan dan orang-orang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada jalan Allah) dan orang-orang musafir (yang terputus bekalan) dalam perjalanan". Sejak akhir-akhir ini, terdapat pertambahan bilangan individu yang memeluk dan menerima Islam. Contohnya seramai 876 orang pada tahun 2013, 656 orang pada 2014 dan 657 orang pada 2015 (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan). Laporan statistik muallaf negeri Selangor tahun 2008-2012 pula melaporkan seramai 1558 orang Cina telah memeluk Islam (Syarul Azman Shaharuddin, 2014). Islam itu agama yang adil dan suci. Oleh sebab itulah, Islam dapat diterima baik oleh bukan Islam dan seterusnya menarik minat mereka untuk menganut agama ini ((Irwan Mohd Subri *et.al*, 2015).

Saudara baharu atau muallaf ini perlu sentiasa dibimbing dan dipantau pemahaman, penghayatan dan amalan mereka agar tidak bercanggah dengan hukum Islam seterusnya amalan mereka diterima Allah SWT. Begitu juga menurut Siti Fathimatul Zahrah & A'thiroh Masyaa'il Tan (2015), golongan muallaf memerlukan bimbingan yang efektif bagi membantu mereka membina persepsi diri yang baru selepas menjalani proses konversi dan peralihan. Oleh kerana mereka terdiri daripada pelbagai kaum, suku dan bangsa sudah tentu banyak amalan budaya dan tradisi yang mereka amalkan sebelum memeluk Islam. Kemungkinan juga berlaku situasi kurang faham atau keliru samada mereka masih boleh teruskan amalan tersebut setelah memeluk Islam. Sebagaimana menurut Ann Wan Seng (2009), kebanyakan muallaf menghadapi masalah menyesuaikan diri selepas menjadi sebahagian daripada umat Islam. Ini kerana, ada yang menghadapi cabaran kejutan budaya dan berdepan dengan kecelaruan identiti diri. Tidak kurang juga dengan merasakan kepayahan beramal dengan Islam kerana latihan sistem pengajaran dan pembelajaran yang tidak mengambil kira tahap dan keperluan golongan muallaf. Oleh itu, amatlah penting golongan ini dibantu dan diberikan sokongan moral bagi membolehkan mereka melakukan adaptasi terhadap persekitaran dan lingkungan hidup yang baharu bersama masyarakat. Umat Islam tidak seharusnya membiarkan perbezaan bangsa, budaya dan ras menguasai pemikiran mereka sehingga mengesampingkan kehadiran muallaf di tengah-tengah masyarakat Islam. Umat Islam harus menghapuskan segala perbezaan itu dan berusaha menjadikan golongan ini sebagai sebahagian daripada masyarakat Islam tanpa sebarang syarat. Apa yang penting adalah, kita bersama mencapai matlamat utama dalam pendidikan Islam iaitu menyerahkan diri dan taat kepada Allah SWT (Asmawati Suhid,

Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib dan Mohd Aderi Che Noh, 2014). Justeru di dalam artikel ini penulis akan membincangkan status golongan muallaf atau saudara baharu dan fenomena amalan adat serta budaya dalam kalangan mereka seterusnya menganalisis sejauhmana amalan tersebut bertepatan dengan prinsip Islam khususnya aplikasi *'Urf*. Ini penting bagi memastikan kefahaman, amalan dan penghayatan mereka sentiasa berdasarkan syariat Islam.

### **Latar Belakang dan Sejarah Kemunculan Saudara Baharu di Malaysia**

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Walaupun terdiri dari pelbagai bangsa dan agama negara Malaysia masih lagi kekal aman dengan mengamalkan ajaran dan anutan masing-masing. Sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 3 (1) bahawa Islam adalah Agama Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman. Hal ini dikekalkan secara terus menerus dengan pengekaln kedudukan sultan sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing (Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin, 2000). Dalam pada itu, di Malaysia orang bukan Islam tidak boleh menyebarkan agama mereka sewenang-wenangnya tetapi orang Islam boleh berbuat sedemikian (Shamsul Amri, 2012). Ini memberi peluang kepada pendakwah untuk menyebarkan Islam sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW dalam penyebaran agama Islam kesemua pelusuk dunia. Sememangnya penyebaran Islam telah bermula sejak dahulu lagi dengan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang luar.

Secara lintasan sejarah, agama Islam mula disebarkan di Tanah Melayu seawal abad ke 7. Hal ini dibuktikan dengan penemuan beberapa batu nisan antaranya ialah batu nisan Syeikh Abdul Kadir Ibn Husayan Shah Alirah yang bertarikh 290H/902M di Alor Star Kedah. Penemuan ini diperkukuhkan lagi dengan penemuan batu nisan di Teluk Cik Munah Pekan Pahang bertarikh 419H/1028M (Arba'iyah Mohd Noor, 2011). Di Tanah Melayu Islam mula disebarkan oleh pedagang dari Tanah Arab, China dan India. Akibat daripada penyebaran Islam ini agama Islam semakin berkembang pesat berikutan dengan kemunculan beberapa buah kerajaan Islam di Pasai dan Perlak di persekitaran selat Melaka pada abad ke-13 masihi. Dengan penyebaran Islam ini telah mengurangkan pengaruh agama Hindu-Buddha yang telah bertapak berabad-abad di Tanah Melayu.

Sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu, masyarakat Melayu menganut fahaman animisme. Menurut Norizan Yusoff (2011), mereka mempercayai terhadap unsur-unsur alam semulajadi iaitu percaya bahawa setiap benda sekeliling manusia mempunyai semangat atau roh yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Keadaan ini berubah selepas kedatangan Islam yang membawa konsep tauhid dengan menafikan kewujudan banyak tuhan. Dengan pegangan konsep keesaan tuhan yang satu ini telah berjaya menarik minat masyarakat tempatan dengan berlakunya perubahan kehidupan harian dan adat yang bertentangan dengan agama Islam ditinggalkan secara beransur-ansur. Kemasukan agama Islam ini telah memainkan peranan agak penting dari segi mengIslamisasikan masyarakat tempatan sehingga membawa perubahan besar kepada kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Namun berlaku persaingan agama dengan kedatangan penjajah barat pada abad ke-19. Kedatangan mereka bukan sahaja ingin menguasai ekonomi malah turut memperkenalkan nilai-nilai barat dan menyebarkan agama Kristian (Suraya Sintang, 2005). Namun, penyebaran agama Kristian ini tidak menjejaskan perkembangan Islam khususnya dalam kegiatan menyebarkan agama Islam di kalangan orang bukan Islam. Malah penyebaran Islam tidak terputus begitu sahaja tetapi terus disebarkan dan diamalkan sehingga kini dengan pelbagai jenis kaedah penyebaran dakwah sama ada melalui media massa dan media elektronik.

Sememangnya kegiatan penyebaran dakwah yang digunakan oleh pendakwah dahulu berbeza dengan pendakwah masa kini. Namun matlamat adalah sama iaitu untuk mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT. Melalui penyebaran dakwah Islam inilah menyebabkan masyarakat Melayu yang dahulunya menganut fahaman animisme telah menganut agama Islam sebagai cara hidup. Sehingga kini bangsa Melayu dengan Islam tidak boleh dipisahkan sehingga ada yang menggelarkan Melayu itu Islam dan Islam itu adalah Melayu (Suraya Sintang, 2005). Hal ini selari dengan perkara 160 dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi definisi Melayu sebagai seseorang yang beragama Islam (Shamsul Amri, 2012). Realitinya, agama Islam tidak ditentukan oleh bangsa, kaum dan warna kulit tetapi ditentukan oleh pegangannya yang yakin dan percaya kepada keesaan Allah SWT. Dengan kata lain, Islam adalah untuk semua manusia tanpa melihat bangsa, negara atau pun warna kulit. Umumnya, di Malaysia mereka yang baharu memeluk Islam digelar sebagai muallaf. Terdapat juga yang menggelarkan orang yang baru memeluk Islam sebagai saudara baharu atau saudara kita. Menurut Suraya Sintang (2005), penggunaan perkataan saudara kita dan saudara baharu dapat mengalakkan saudara Islam lain meningkatkan lagi tali siratulrahim dan kasih sayang antara mereka. Sememangnya, tali siratulrahim sesama Islam walaupun berbeza bangsa itu sangat penting terutamanya kepada saudara baharu agar mereka rasa selesa dengan kehidupan yang baru selepas melalui proses konvensi.

Tuntasnya, saudara baharu atau muallaf wujud di Tanah Melayu disebabkan adanya penyebaran Islam oleh pendakwah-pendakwah Islam dari Asia Timur iaitu dari pedagang Arab, China dan India. Usaha penyebaran dakwah Islam bukan sesuatu yang mudah untuk menarik minat bukan Islam untuk menyukai Islam atau menerima Islam sebagai agama baru mereka. Walaupun, penyebaran agama Islam di Tanah Melayu berlaku sejak dahulu lagi, tetapi usaha dalam berdakwah terus menerus dilakukan hingga kini untuk menyebarkan kebenaran Islam kepada orang bukan Islam khususnya di Malaysia. Dalam menyebarkan kebenaran Islam bukan suatu yang mudah dan bukan suatu perkara yang boleh dipandang ringan kerana tanpa dakwah peningkatan saudara baharu tidak akan berlaku.

Peningkatan bilangan saudara baharu atau muallaf di Malaysia menyebabkan wujud pertubuhan dakwah termasuklah beberapa institusi kerajaan seperti Pusat Islam dan Jabatan-Jabatan Agama di bawah negeri. Di Samping itu juga terdapat pertubuhan sukarela yang memainkan peranan penting dalam proses memberi bimbingan dan kebajikan kepada golongan muallaf antaranya adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). PERKIM merupakan pertubuhan yang diasaskan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Perdana Menteri Malaysia yang pertama. PERKIM ditubuhkan pada 19 ogos 1960. Dalam pertubuhan PERKIM, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan perjanjian persefahaman (MOU) dengan kerajaan Libya dan telah bersetuju memberi pinjaman pada awal pertubuhan PERKIM di Kuala Lumpur (Nur A'thiroh Masyaa'il, Fakhrol Adabi Abdul Kadir, Siti Rugayah Tibek & Amran Abdullah, 2014). Terdapat juga banyak pertubuhan atau organisasi dakwah ditubuhkan seperti Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA) dan United Sabah Islamic Association (USIA) yang merupakan organisasi yang hanya bertujuan berdakwah kepada orang melayu yang sudah beragama Islam (Che Latifah, 1996).

Peranan yang dimainkan oleh pertubuhan dakwah ini menjadikan Islam itu mudah disebarkan kepada orang bukan Islam dan memudahkan proses mereka untuk mendalami Islam sebagai cara hidup. Hal ini ditambah pula faktor ajaran Islam yang bersifat universal dan cara hidup orang Islam juga menjadi penyebab kepada muallaf untuk memeluk Islam. Menurut Azaruddin Awang dan Khadijah Mohd Khambali (2015), faktor pengaulan dengan rakan muslim menjadi

penyebab mereka memeluk Islam disamping faktor perkahwinan, persekitaran, kajian tentang Islam dan mendapat hidayah dari Illahi. Menurut Amran Kasimin (1985) terdapat lapan faktor orang Cina memeluk Islam iaitu faktor ikut-ikutan, pergaulan dengan orang-orang Melayu, berkahwin dengan orang Melayu, suasana keluarga mereka yang kurang menyenangkan, mudah untuk meminta pertolongan, mengetahui kebenaran Islam, hidayah Allah SWT dan kesedaran tentang keislaman mereka tidak akan menjejaskan keturunan mereka sebagai bangsa Cina. Namun begitu, pengislaman ini akan menemui kegagalan jika mereka tidak dibimbing dengan betul dan berkesan. Dengan kata lain mereka mungkin berpotensi untuk kembali ke agama asal mereka apabila tidak diberi bimbingan dalam menuju kebenaran Islam. Hal ini selari dengan kenyataan Ahmad Yunus, Samsuddin & Mishan (2017) bahawa faktor utama seseorang muallaf kembali kepada agama asal adalah kerana tidak mendapat bimbingan dan gagal dalam memahami agama Islam yang sebenar terutamanya berkaitan dengan isu kebebasan, penindasan wanita, dan jumud.

Ringkasnya, kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah membawa perubahan yang besar kepada kehidupan masyarakat sehingga kini sama ada dari segi sosial, ekonomi mahu pun politik. Perkembangan Islam ini telah membawa kepada penubuhan pertubuhan dan agensi dakwah untuk mengajak orang bukan Islam menerima Islam sebagai cara hidup. Fenomena peningkatan mereka menerima Islam hendaklah digiatkan usaha di samping memelihara dan menjaga kebajikan saudara baharu.

### **Cabaran Kepelbagaian Amalan Adat dan Budaya dalam Kalangan Saudara Baharu**

Muallaf atau saudara baharu dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia meliputi mereka yang berasal daripada kaum Cina, India, masyarakat asli atau suku kaum Sabah dan Sarawak (Nur A`thiroh & Fariza, 2009). Setiap suku kaum tersebut mempunyai adat dan budaya tersendiri sama ada berasaskan kepada agama yang dianuti sebelum ini atau berasaskan kepada amalan tradisi suku kaum tersebut yang diwarisi turun temurun. Menurut Kamus Dewan, adat bermaksud suatu peraturan yang diamalkan secara turun temurun (sejak dahulu kala) di dalam masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Adat juga didefinisikan sebagai suatu cara yang sudah menjadi kebiasaan. Adat berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kebiasaan sesuatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang lalu menjadi kebiasaan yang tetap dan dihormati orang. Maka kebiasaan itu menjadi adat. Dari aspek lain, adat ditakrifkan sebagai suatu aturan dan cara hidup yang mencerminkan perlakuan harian, bermusim samada berdasarkan bulan atau tahun (Laman Web Jabatan warisan Negara). Adat adalah peraturan hidup merangkumi gagasan kebudayaan yang terdiri daripada nilai-nilai kebudayaan, norma, kebiasaan, kelembagaan dan hukum adat yang lazim dilakukan di sesuatu tempat. Manakala istilah budaya pula secara umumnya merujuk kepada budi pekerti. Budaya juga boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang kompleks kerana ia merangkumi proses pertukaran daripada satu bentuk kepada bentuk yang lain dalam sesebuah masyarakat. Manakala budaya daripada perspektif sarjana Muslim merujuk kepada idea, pemikiran, tingkahlaku dan adab (Azarudin, Azman & Wahairi, 2018). Azarudin et.al (2018) selanjutnya menghuraikan budaya sebagai aspek yang merangkumi tiga bahagian iaitu budaya yang bersifat kognitif seperti aspek bahasa. Bahagian kedua ialah budaya normatif yang merujuk kepada peraturan yang mengawal tingkah laku serta seterusnya bahagian ketiga budaya yang berbentuk fizikal seperti rumah, pakaian dan makanan. Sebagai contoh, masyarakat Cina dikenali sebagai kelompok yang sangat berpegang kepada nilai kecinaan yang tegar serta semangat kepuakan yang kental (Azarudin & Khadijah, 2014). Namun dalam konteks masyarakat Cina yang berada di Terengganu, mereka dilihat lebih fleksibel dan terbuka dalam menerima budaya Melayu khususnya aspek bahasa, pemakanan, seni bina rumah dan pakaian (Azarudin, et al. 2018). Ini bermakna masyarakat Cina di Pantai Timur Semenanjung Malaysia

khasnya Terengganu sedikit berbeza dengan masyarakat Cina di negeri lain di Malaysia kerana mereka boleh berbahasa Melayu dialek setempat, menikmati makanan tradisi Melayu Terengganu serta selesa berpakaian tradisi orang Melayu.

Dalam membincangkan tentang kepelbagaian amalan budaya dalam kalangan muallaf, sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan bahawa budaya adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh mereka apabila telah menerima Islam selain daripada cabaran kewangan dan penyesuaian kepada agama Islam itu sendiri. Cabaran ini boleh menjadi serius dan menyebabkan segelintir muallaf kembali kepada agama asal jika cabaran tersebut tidak ditangani dengan segera (Syarul Azman, Hanis Najwa, Muhammad Yusuf Marlon, Mustafa Kamal & Akmal Syazana, 2017). Walaupun terdapat sebahagian besar kaum Cina dan India sebelum Islam telah bergaul dengan Melayu Islam di negara ni, namun mereka masih berhadapan dengan cabaran budaya setelah menerima Islam. Tambahan pula apabila masyarakat Melayu Islam mengharapkan mereka yang baru memeluk Islam mengamalkan budaya Melayu sementara mereka yang baru memeluk Islam sering mempersoalkan mengapa mereka tidak boleh meneruskan budaya mereka sebelum Islam (Sayyid Buhar, Mohd Syukri & Zawiyah, 2013). Realiti ini menyebabkan pertembungan budaya berlaku dan merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi oleh muallaf.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Razaleigh (2016) tentang cabaran integrasi budaya dalam kalangan 100 orang responden di Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kuala Lumpur mendapati antara item cabaran integrasi budaya yang mencatat min yang tinggi ialah 'kesukaran muallaf untuk membezakan amalan masyarakat Melayu dengan ajaran Islam'; 'kesukaran muallaf meninggalkan amalan lama sebelum Islam'; 'muallaf masih berpegang dengan pantang larang masyarakat lama' serta 'muallaf masih mengamalkan adat lama yang bercanggah dengan Islam'. Dapatan tersebut adalah bertepatan dengan realiti bahawa adat dan budaya lama tersebut telah sebatikan dalam diri mereka dan mereka agak sukar untuk meninggalkannya (Siti Aishah, 2016). Di samping cabaran daripada dalam diri muallaf, integrasi budaya turut melibatkan cabaran luar iaitu daripada masyarakat Melayu Islam itu sendiri. Masyarakat Melayu Islam mengharapkan muallaf menjalani kehidupan dengan mengamalkan secara total budaya hidup Melayu dan sekiranya mereka tidak dapat mengikuti budaya hidup Melayu, besar kemungkinan muallaf berkenaan sukar diterima dalam masyarakat Melayu (Syarul Azman *et al.*, 2017).

Cabaran kepelbagaian budaya dalam kalangan saudara baru atau muallaf boleh ditangani sekiranya wujud unsur perkongsian antara budaya iaitu sedia berkompromi dengan budaya dan cara hidup lama yang masih boleh diteruskan walaupun telah menukar agama (Azarudin & Khadijah, 2014). Sebagai contoh, keluarga yang mengambil anak angkat berstatus muallaf perlu memahami bahawa terdapat adat dan budaya lama mereka yang tidak bertentangan dengan Islam boleh terus diamalkan. Dengan lain perkataan, cabaran budaya yang pelbagai ini boleh ditangani dengan adanya 'dialog kehidupan' iaitu sikap memahami dan menghargai perbezaan serta sekaligus mengikis sikap prejudis terhadap adat dan budaya kaum lain (Azarudin & Khadijah, 2014). Nur Ain Sumaiyah, Sumitra & Noor Aishah (2018) telah menjalankan kajian tentang tahap kemurungan yang dialami oleh responden muallaf seramai 50 orang mendapati majoriti responden iaitu seramai 19 orang (38%) mengalami kemurungan tahap sederhana. Manakala terdapat juga responden yang mengalami kemurungan tahap tinggi iaitu seramai 10 orang (20%). Dapatan tersebut jelas menunjukkan bahawa cabaran dan masalah yang dihadapi oleh muallaf tidak mustahil boleh membawa kepada masalah psikologi kepada mereka iaitu kemurungan. Antara simptom kemurungan yang ditunjukkan berdasarkan dapatan ialah perasaan kegagalan pada masa lalu, menangis, keletihan serta cepat marah (Nur Ain Sumaiyah *et al.*, 2018).

Kemasukan muallaf ke dalam agama Islam adalah dengan harapan untuk mendapatkan kesejahteraan hidup namun sebaliknya mereka perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran setelah memeluk Islam. Hakikatnya, pertukaran agama menuntut muallaf membuat perubahan daripada banyak segi seperti aspek matlamat hidup, tingkah laku, amalan dan personaliti (Azammuddin, Salleh & Noriah, 2017). Namun apabila muallaf gagal menangani cabaran dalam kehidupannya menyebabkan timbulnya beberapa masalah lain. Antaranya terdapat kalangan muallaf yang mengambil tindakan untuk kembali ke agama asal khasnya apabila sebab kemasukan ke dalam Islam disebabkan faktor ingin berkahwin (Siti Fatimah, Nadhirah, Siti Khatijah & Siti Hajar, 2018). Begitu juga masalah kemurungan yang mungkin dihadapi oleh muallaf sebagaimana yang direkodkan dalam kajian di atas.

Sejarah dakwah Rasulullah menunjukkan bahawa muallaf pada zaman baginda telah mendapat sokongan dan bimbingan dalam pelbagai bentuk seperti sokongan berbentuk spiritual, fizikal dan sokongan moral (Nabilah Huda & Zuliza, 2014). Sokongan spiritual merujuk kepada aspek pendidikan atau bimbingan yang perlu diberikan kepada muallaf. Pendidikan tersebut meliputi aspek pengukuhan akidah, ibadah, pembelajaran al-Quran dan al-Sunnah serta bimbingan akhlak. Manakala sokongan fizikal merujuk kepada bantuan zakat dan sedekah, hak untuk mendapat ganjaran serta perlindungan atau keselamatan. Selanjutnya sokongan moral pula ialah pengiktirafan bakat muallaf seperti Rasulullah melantik Khalid al-Walid yang baru memeluk Islam sebagai pemimpin ketenteraan. Sokongan moral turut diberikan oleh Rasulullah dalam bentuk penghargaan iaitu rumah Abu Sufyan bin Harb yang baru memeluk Islam diberi penghargaan iaitu orang Mekah akan selamat ketika peristiwa pembukaan kota Mekah jika berada mendapatkan perlindungan dalam rumah Abu Sufyan (Nabilah Huda & Zuliza, 2014).

Berdasarkan huraian di atas, jelas bahawa kepelbagaian adat dan budaya dalam kalangan muallaf adalah realiti yang tidak boleh dipandang ringan kerana ia menjadi salah satu cabaran pula kepada mereka. Muallaf sendiri perlu jelas bahawa terdapat sesetengah amalan adat dan budaya yang masih boleh diteruskan dengan syarat ianya tidak bercanggah dengan syariat dan hukum Islam. Masyarakat Malaysia khasnya Melayu Islam lebih-lebih lagi perlu memberi sokongan fizikal, spiritual dan terutamanya moral serta memahami bahawa terdapat amalan budaya yang masih boleh diamalkan oleh muallaf walaupun mereka telah memeluk Islam. Sokongan institusi agama, pertubuhan bukan kerajaan serta anggota masyarakat sangat penting agar muallaf tidak kembali kepada agama asal mereka. Sebagai contoh, kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Nizam, Siti Aishah dan Suhaila (2013) terhadap artikel yang berkaitan dengan saudara baharu di media mendapati antara masalah yang dihadapi oleh mereka ialah kekurangan guru daripada pelbagai etnik yang boleh menyampaikan dakwah kepada muallaf ini bagi memudahkan mereka memahami aspek budaya yang berbeza dalam kalangan muallaf. Justeru itu, program atau modul yang dikemukakan kepada saudara baharu sewajarnya dapat dikaitkan dengan aspek kehidupan muallaf. Ini bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Mariam, Razaleigh dan Marlon (2015) bahawa responden kajian bersetuju pendakwah di masjid berusaha mengaitkan pengajaran agama dengan realiti kehidupan muallaf. Oleh yang demikian, sokongan daripada pelbagai pihak termasuk aspek dakwah dan pendidikan yang sesuai bagi muallaf sangat penting bagi mengekalkan keimanan mereka kepada Allah SWT dan berasa selesa dengan ajaran Islam yang mereka anuti.

#### **‘Urf Dan Aplikasinya dalam Kehidupan Umat Islam**

Kesyumulan Islam meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia termasuklah undang-undang. Undang-undang Islam yang diturunkan oleh Allah SWT tiada berlaku sebarang cacat cela.



Misalnya, menyentuh hal ehwal kehidupan manusia, Islam dengan jelas menyediakan panduan yang lengkap termasuk aspek adat dan budaya yang diamalkan. Di Malaysia sahaja kita lihat berbagai adat dan budaya diamalkan oleh setiap kaum dan bangsa. Apabila seseorang memeluk Islam, beliau turut membawa bersama adat dan budaya yang diamalkan sebelum ini. Bagi menentukan status samada dibenarkan atau tidak, Islam telah menggariskan prinsip umum yang jelas berkaitan amalan-amalan tersebut. Ulama awal Islam telah menyusun satu disiplin ilmu yang dikenali sebagai 'Kaedah Fiqh'. Melalui Kaedah Fiqh ini prinsip hukum Islam telah disusun dalam bentuk kaedah ringkas yang mudah di fahami. Kaedah Fiqh ditakrif sebagai;

- 1, Prinsip-prinsip fiqh yang bersifat umum dalam bentuk nas pendek yang mengandungi hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya.
2. Asas-asas atau prinsip-prinsip fiqh yang bersifat kulli dalam bentuk nas-nas atau otoriti-otoriti perundangan yang ringkas yang merangkumi hukum-hukum yang disyariatkan secara umum mengenai atau tentang perkara-perkara yang dirangkuminya.
3. Prinsip-prinsip hukum yang bersifat kulliyah yang dipetik dari dalil-dalil kulli dari al-Quran dan al-Sunnah. Di mana ia menjadi asas kepada kaedah-kaedah yang dapat disesuaikan dengan perkar-perkara juziyyah dan daripada maksud-maksud syara'. Ini dapat membantu orang awam memahami rahsia-rahsia serta hikmah-hikmah tasyri'.

Sebagai rumusannya, Kaedah Fiqh merupakan prinsip-prinsip hukum Islam yang dipetik dari nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Kemudiannya prinsip-prinsip tersebut disusun dalam bentuk kaedah-kaedah ringkas yang mudah difahami oleh orang awam (Ali Ahmad An Nadwi, 1998, 39-41, Al-Syeikh Ahmad bin al-Syeikh Muhammad al-Zarqa', 1998, 34).

Kitab-kitab utama yang membincangkan tentang Kaedah Fiqh adalah; Ta'sis al-Nazar tulisan al-Dabusi (430 H), al-Asybah wa al-Nazair tulisan Ibn al-Wakil al-Syafie (716 H), al-Asybah wa al-Nazair tulisan al-Subki al-Syafie (771 H), al-Asybah wa al-Nazair tulisan Ibn al-Mulqin al-Syafie (804 H), al-Asybah wa al-Nazair tulisan al-Suyuti al-Syafie (911 H), dan al-Asybah wa al-Nazair tulisan Ibn Nujaym al-Hanasi (970 H). Penulisan Kaedah Fiqh terus berkembang hingga terhasilnya *Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah* yang diusahakan oleh Lembaga *Majallat* yang ditubuhkan oleh kerajaan Othmaniyyah Turkey. *Majallat* disusun dalam bentuk kod undang-undang moden. Ia mengandungi 1851 artikel atau seksyen. Hari ini, *Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah* yang disusun pada tahun 1885 tersebut telah diterjemahkan dalam berbagai bahasa di dunia termasuklah Bahasa Melayu. Ia pernah dilaksanakan di Johor pada tahun 1914. Ia merupakan satu hasil kerja yang terulung dan tinggi nilainya dalam bidang perundangan Islam. Adapun Kaedah Fiqh yang asas ialah lima kaedah berikut;

- 1) al-Umur bi-Maqasidiha (Setiap Perkara Berdasarkan Niat)
- 2) al-Yaqin la Yuzal bi al-Syakk (Keyakinan Tidak Dihilangkan Oleh Keraguan)
- 3) al-Masyaqqah Tujlibu al-Taisir (Kesukaran Mendatangkan Keringanan)
- 4) al-Dharar Yuzal (Dharurat Dihapuskan)
- 5) al-'Adah Muhkamah ('Adat Diakui)

Fokus perbincangan di sini ialah kaedah 'Adat Diakui' yang menyentuh tentang amalan pelbagai adat dan budaya umat Islam. Kaedah ini bermaksud adat kebiasaan dan budaya yang diamalkan dan diterima sebagai hukum dan peraturan. Untuk itu ulama' menentukan bahawa 'uruf atau adat itu merupakan salah satu daripada sumber hukum jika tiada nas syara'. Walau pun Islam menerima 'uruf atau adat dan budaya sebagai sumber hukum, ia tertakluk kepada perkara tersebut tidak bertentangan dengan nas syara' atau prinsip hukum Islam yang lain. Jika ia bertentangan, 'uruf atau adat budaya tersebut di tolak. Contohnya di peringkat awal Islam,

adat Jahiliyyah yang membenarkan anak lelaki mewarisi isteri-isteri bapanya dan mengahwini mereka tidak diterima oleh Islam.

Kaedah 'Adat Diakui adalah bersumberkan nas-nas berikut, antaranya:

Hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud; "Apa yang dilihat oleh orang Islam baik maka ia baik disisi Allah dan apa yang dilihat oleh orang Islam buruk maka buruk juga disisi Allah." (Riwayat Imam Ahmad). Begitu juga dalam firman Allah SWT dalam surah al A'raf, ayat 199 yang bermaksud; "Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya). Kaedah ini juga dibina atas dasar menolak kesukaran dari manusia seperti firman Allah SWT dalam surah al-Hajj, ayat 78 yang bermaksud; "...dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama...".

Dalam konteks masyarakat Malaysia, pelbagai adat dan budaya yang diamalkan oleh orang Islam dari berbagai bangsa dan kaum yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Dalam aspek undang-undang Islam yang dilaksanakan, terdapat amalan adat yang dimasukkan dalam peruntukkan undang-undang. Sebagai contoh, peruntukkan mengenai harta sepencarian suami isteri. Menurut seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor, 1984, definisi harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan, berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak. Harta sepencarian tersebut termasuklah harta alih atau tidak alih yang diperolehi suami dan isteri. Di bawah Seksyen 122, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian kepada pasangan samada 1/2 atau 1/3 tertakluk kepada kadar sumbangan pasangan tersebut. Contohnya dalam kes *Ramah lwn. Laton* [1927] 6 FMSLR 128, kes berkenaan harta sepencarian yang terawal dibicarakan di mahkamah, dan dibicarakan dihadapan hakim Inggeris, pengiktirafan telah diberi kepada hukum adat dan hukum Islam. Terkini, satu kes tuntutan harta sepencarian terbesar dalam sejarah sedang dalam proses permohonan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur. Tuntutan harta sepencarian bernilai RM500 juta yang dikemukakan oleh Shahnaz Abdul Majid terhadap bekas suaminya, Datuk Seri Mahmud Abu Bekir Abdul Taib, ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah kerana beberapa butiran tidak lengkap dan diminta untuk membuat permohonan semula dengan butiran yang lengkap (Utusan Malaysia, 29 Oktober 2018).

Amalan 'adat dan budaya juga diiktiraf dalam penentuan kadar mas kahwin. Bagi negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung, kadarnya adalah berbeza dari negeri-negeri Pantai Timur. Dalam dua kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah berikut menunjukkan perbezaan kadar maskahwin antara dua negeri yang berbeza kerana perbezaan adat dan budaya di negeri-negeri berkenaan. Dalam kes *Aishah bt Mahmud lwn Jamaluddin b. Sulaiman* (1983) 3 JH 104, antara tuntutan dalam kes ini ialah mas kahwin sebanyak RM24.00 merupakan kadar yang menjadi kebiasaan dan budaya di negeri Kedah. Manakala dalam kes *Husin lwn Moh* (1980) 1 JH 44, isu yang menjadi pertikaian ialah mas kahwin dan jumlahnya ialah sebanyak RM500. Begitu juga, merujuk kepada kes *Ramah lwn. Laton* [1927] 6 FMSLR 128, kes berkenaan harta sepencarian yang terawal dibicarakan di mahkamah dan dibicarakan di mahkamah dan dihadapan hakim Inggeris, pengiktirafan telah diberi kepada hukum adat dan hukum Islam. Jelas di sini menunjukkan tidak menjadi masalah kepada mahkamah untuk memutuskan kes-kes tersebut berdasarkan adat dan budaya sesuatu tempat. Bagi golongan saudara baharu, mahkamah akan mengiktiraf amalan budaya mereka sekiranya berlaku kes seumpama ini.

Adat kebiasaan dikalangan saudara baharu adalah dibenarkan selagi ianya tidak bertentangan prinsip-prinsip yang digariskan dalam nas al-Quran dan al-Sunnah. Contohnya apabila seseorang dari kaum Cina memeluk Islam, ia boleh meneruskan cara hidup asalnya, cara makan dan jenis makanan, cara berpakaian dan berbagai amalan adat dan budaya selagi tidak melibatkan perkara yang dilarang. Mereka boleh terus merayakan perayaan Tahun Baru Cina, penggunaan copstik ketika makan, rekabentuk pembinaan masjid dan lain-lain. Namun, perkara yang melibatkan 'aqidah seperti pemujaan roh nenek moyang tidak boleh diamalkan kerana ia bertentangan dengan hukum Islam. Begitu juga bagi masyarakat India, mereka boleh terus memakai sari yang diubah suai agar menutup aurat. Makanan seperti kari, roti canai, roti nan, tosai, tandoori, maruku, putu mayam, vadai dan lain-lain boleh terus dimakan dengan syarat tidak bercampur dengan perkara dan bahan yang diharamkan oleh Islam. Begitu juga, misalnya adat dalam perkahwinan seperti merisik dan bertunang juga boleh terus diamalkan.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa Islam sebagai agama fitrah dan adil kepada semua manusia. Peraturan dan sistem yang disediakan oleh Islam sangat relevan dan sentiasa memenuhi fitrah serta keperluan hidup manusia. Justeru, tidak sekali-kali membebankan umat Islam khususnya golongan muallaf atau saudara baharu yang mula berjinak-jinak menerima dan mematuhi hukum Islam. Aplikasi 'Urf dalam kehidupan ini perlu difahami dengan jelas agar saudara baharu dan umat Islam umumnya mengamalkan budaya dan adat yang tidak bercanggah dengan hukum Islam. Seterusnya memberi keringanan kepada mereka yang baru mula untuk mengadaptasi hukum Islam dalam kehidupan harian. Usaha dakwah perlu diteruskan secara hikmah dan efektif supaya lebih ramai lagi individu yang rela dan suci hati menerima Islam. Kebajikan, kesejahteraan dan kefahaman Islam saudara baharu perlu sentiasa dipantau dan dipelihara. Sokongan tersebut penting bagi mengelakkan berlakunya kes tekanan perasaan atau kemurungan dalam kalangan saudara baharu atau muallaf yang telah memasuki dunia baru yang kerap kali mereka keseorangan setelah dipinggirkan keluarga, sanak saudara dan rakan. Begitu juga, sokongan institusi agama, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota masyarakat sangat penting agar saudara baharu kita atau muallaf tidak kembali kepada agama asal mereka.

### **Rujukan**

- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Mishan Jemali (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif: Special Issue 1*. 89-100.
- Ali Ahmad An Nadawi (1998). *al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Quran, 39-41.
- Al-Syeikh Ahmad bin al-Syeikh Muhammad al-Zarqa' (1998). *al-Syarhu al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Quran, 34.
- Amran Kasimin (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Putra Malaysia.
- Ann Wang Seng (2009). *Murtad jangan pandang sebelah mata*. Selangor: Tesis Sarjana Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2011. Perkembangan Persejarahan Islam di Alam Melayu. *Journal Al Tamaddun Bil*. 6, 29-50.
- Asmawati Suhid, 2009. Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Samsilah Roslan, Lukman Abdul Mutalib & Mohd Aderi Che Noh (2014). Private Islamic Primary School Teachers' Commitment in Human Capital Development in Malaysia, *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5, 27, 766-773, 2014.

- Azammuddin Zainuddin, Salleh Amat dan Noriah Mohd Ishak. (2017). Persepsi dan masalah muallaf terhadap kesejahteraan diri di Selangor: Satu kajian. *E-Journal of the Global Summit on Education 2017 (GSE2017)*. hal. 54-66.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Wahairi Mahmud. (2018). Kesepaduan budaya Melayu dalam kehidupan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan*. 16 (1), hal. 7-11.
- Azarudin Awang dan Khadijah Mohd Khambali@ Hambali. (2014). Bentuk-bentuk hubungan Muslim-Non Muslim selepas pemelukan agama: Kajian kes dalam aklangan muallaf Cina Terengganu. *Jurnal Kemanusiaan*. 12(2), hal. 1-17.
- Che Latifah Ismail. 1996. *Perkembangan saudara baru di Malaysia dan peranan PERKIM: Masalah dan penyelesaiannya*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Dusuki Ahmad. 1983. *Iktisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fuziah Shaffie & Ruslan Zainuddin. 2000. *Sejarah Malaysia*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Irwan Mohd Subri, Azman Ab Rahman, Mahazan Abdul Mutalib, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Mohd Fazrul Azli Wan Razali, Rose Irnawaty Ibrahim, Siti Nurunnajwa Shamsudin, Nusaibah Musaddad & Norlina Ismail. Penerimaan Penggunaan Istilah *Muallaf* dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 252 (3645), 1-24, 2015.
- Jabatan Warisan Negara, laman web rasmi [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my)
- Mariam Abd Majid, Razaleigh Muhamat Kawangit dan Marlon Pontino Geleng. (2015). Involvement in the mosque programs and its relationship in strengthening the Islamic faith among Muslim converts in Malaysia. *Life Science Journal*. 12(11), hal. 134-139.
- Mohd. Nizam Sahad, Siti Aishah Chu Abdullah dan Suhaila Abdullah. (2013). Malaysia news report on Muslim converts' issues: A study on *Malaysiakini*. *International Journal of Humanities and Social Sciences*. 3(13), hal. 219-230.
- Mior Khairul Azrin. 2011. Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Jurnal Sosiohumanika*, 4 (1). 33-48.
- Nabilah Huda Zaim dan Zuliza Mohd Kusrin. (2014). Sokongan terhadap saudara baru menurut syarak. *Isu syariah dan undang-undang*.
- Norizan Yusoff. 2011. *Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan & Asia Timur*. Selangor: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nur Ain Sumaiyah Abdullah@Sumitra A/P Valaitham dan Noor Aishah Rosli. (2018). Kemurungan dalam kalangan muallaf di Pusat Pengajian Perkim Wilayah Persekutuan. *Malaysian Online Journal of Counseling*. 5(1), hal. 52-63.
- Nur A`thiroh Mayaa`il Tan Abdullah@ Tan Ai Pao dan Fariza Md Sham. (2009). Keperluan memahami psikologi saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*. 2(2009), hal. 83-97.
- Nur A`thiroh Masyaa`il, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Siti Rugayah Tibek & Amran Abdullah. 2014. *Program Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan kepada Saudara Muslim: Satu Tinjauan dari segi Pendidikan*. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik, Bangi, UKM.
- Razaleigh Muhamat & Salawati Saringat. 2014. Dakwah among India Muallaf in Malaysia. *Journal Islamiyyat* 36(2), 91-96
- Razaleigh Muhamat@ Kawangit. (2016). Pembangunan dakwah muallaf di Malaysia: Cabaran dalam masyarakat. Akses pada 17 Januari 2019 di [https://www.researchgate.net/publication/303023907\\_PEMBANGUNAN\\_DAKWAH\\_MUALLAF\\_DI\\_MALAYSIA\\_CABARAN\\_DALAM\\_MASYARAKAT](https://www.researchgate.net/publication/303023907_PEMBANGUNAN_DAKWAH_MUALLAF_DI_MALAYSIA_CABARAN_DALAM_MASYARAKAT).

- Sayyid Buhar Musal Kassim, Mohd Syukri Yeoh Abdullah dan Zawiyah Baba. (2013). A survey of problems faced by converts to Islam in Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 8(1), hal. 1-13.
- Shamsul Amri Baharuddin (2012). *Modul hubungan etnik edisi Kedua*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Fathimatul Zahrah bte Yusri dan A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah (2015). *Pengajaran Pendidikan Islam terhadap mualaaf: Satu tinjauan literatur*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke arah Pemantapan Ummah, 2015.
- Siti Fatimah Salleh, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail dan Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2018). *Cabaran dan implikasi pengurusan dokumentasi saudara baru*. Prosiding Seminar Antarabangsa Al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari, Fakulti Pengajian Kontemporari , Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Suraya Sintang. 2005. Sejarah Perkembangan Mualaf di Sabah: Peranan dan Sumbangan Usia (United Sabah Islamic Association). *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil 1, 51-90.
- Syarul Azman Shahrudin, Hanis Najwa Shahrudin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra dan Akmal Syazana Fauzan. (2017). *Cabaran dan permasalahan mualaf dan penyelesaiannya*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Penyelidikan, Sirah Nabawi dan Pemikiran (Isra') di Dewan Malaysia Abbasiyah Kaherah, Mesir pada 1-7 Mac 2017.